

# MPP UiTM Rembau teraju pengurusan organisasi universiti

Oleh [Mohd Amin Jalil](#) - April 25, 2024 @ 10:06pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Sebahagian anggota majlis tertinggi kelab dan persatuan UiTM Cawangan Negeri Sembilan yang menjadi penggerak kepada penganjuran Kursus Pengurusan Organisasi (KPO). - Foto Ihsan MPP UiTM Rembau

SEREMBAN: Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Rembau, dekat sini, mengambil inisiatif menganjurkan Kursus Pengurusan Organisasi (KPO) bagi kelab dan persatuan dalaman UiTM Cawangan Negeri Sembilan.

Koordinator Unit Kepimpinan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Dr Raja Mayang Delima Mohd Beta, berkata kursus berkenaan bertujuan memberi pendedahan kepada mahasiswa mengenai pengurusan organisasi seawal di universiti.

Katanya, pengurusan organisasi adalah penting kerana ia berkait dengan integriti dan kecekapan.

"Kursus ini memberi peluang kepada mahasiswa membuat persiapan awal sebelum mereka memasuki alam pekerjaan sekali gus membantu berhadapan dengan tugas dan tanggungjawab sama ada di bawah jabatan kerajaan maupun swasta.

"Sesebuah organisasi yang mantap mesti diuruskan dengan baik serta mempunyai ketua atau jawatankuasa yang cekap dan efektif," katanya.

Sebanyak 17 persatuan di seluruh UiTM Cawangan Negeri Sembilan menyertai kursus berkenaan yang diadakan di UiTM Kampus Seremban, Rembau dan Kuala Pilah.

Sementara itu, Penyelaras Unit Kepimpinan Pelajar (UKP), Mohd Faisal Md Noor, berkata, KPO dapat membantu memastikan semua prosedur difahami bagi menjamin sistem pengurusan organisasi berjalan lancar dan berjaya.

Menurutnya, melalui pendedahan awal kepada pengurusan organisasi ini dapat memberikan impak positif kepada prestasi kelab dan persatuan dalaman UiTM terutama di Negeri Sembilan.

"Kursus ini membantu memberikan kaedah yang betul dalam melaksanakan sistem pengurusan universiti buat semua majlis tertinggi kelab dan persatuan di UiTM.

"Ia seiring dengan matlamat penubuhan kelab dan persatuan itu untuk kepentingan mahasiswa dan UiTM itu sendiri," katanya.